



KENYATAAN MEDIA

Saya menyambut baik pandangan Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) bahawa harga yang sepatutnya bagi tanah Kampong Bharu adalah RM2,000 sekaki persegi dan bukannya RM850 sebagaimana yang kami tawarkan.

Saya berharap pandangan ini adalah pandangan kolektif DPMM sendiri dan ianya berdasarkan pernilaian yang dilakukan secara profesional.

Sehubungan dengan itu, saya mengalu-alukan sekiranya DPMM mengusahakan agar tanah di Kampung Bharu dibeli dengan harga RM2,000 sekaki persegi itu. Saya yakin berdasarkan pernilaian profesional yang dilakukan, DPMM akan mampu mendapatkan sokongan kewangan yang diperlukan untuk menjayakan pembelian ini.

Jika DPMM bersetuju untuk membelinya dengan harga RM2,000 sekaki persegi, saya akan pastikan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Kampong Bharu (PKB) memberikan kerjasama sepenuhnya untuk membolehkan DPMM membeli tanah penduduk Kampong Bharu dengan harga yang ditawarkan tadi.

Saya yakin hasrat DPMM ini mendapat kerjasama sepenuhnya dari pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu.

Secara umumnya Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka dan tidak menghalang mana-mana pihak untuk menawarkan harga yang lebih tinggi asalkan syarat-syarat pemilikan iaitu, milik Melayu, dipatuhi.

KHALID ABD SAMAD

Menteri Wilayah Persekutuan

27 September 2019